



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

21 JULAI 2022 (KHAMIS)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHRAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

21 JULAI 2022 (KHAMIS)

KPDNHEP siasat
'orang dalam'
dipercayai terbabit
seludup minyak masak
peket bersubsidi
Nasional 9

Kementerian siasat 'orang dalam' seludup minyak masak peket

Operasi penguatkuasaan tumpu negeri berhampiran sempadan

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) meniasat kemungkinan pembabitian 'orang dalam' dalam kegiatan penyeludupan minyak masak peket bersubsidi ke negara jiran.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata pihaknya akan meniasat perkara itu seperti didakwa, dalam rantaian penyeludupan barang keperluan asas bersubsidi itu ke negara jiran.

"Itu kita akan pastikan (siasat)," katanya pada sidang media selepas Perhimpunan Bulanan KPDNHEP di Menara Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), di sini, semalam.

Beliau menjawab dakwaan wujud dalam termasuk 'orang dalam' dalam rantaian bekalan minyak masak peket di negara ini, sehingga menyebabkan ketirisan dan penyeludupan bekalan itu terus berlaku sehingga kini.

Ia turut diakui peruncit di negara ini yang menyifatkan da-

lang itu dipercayai sudah lama berakar dalam rantaian bekalan menyebabkan ia 'sukar' ditumpaskan.

BH semalam juga melaporkan, Pengerusi Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi, Tan Sri Annuar Musa mengakui sistem sedia ada mempunyai banyak kelemahan.

Annuar berkata, ia sekali gus mengheret kerajaan berdepan kesulitan untuk mengawal penjualannya, termasuk digunakan untuk tujuan komersial, dijual semula pada harga tanpa subsidi dan lebih buruk ia diseludup ke negara jiran.

Kegiatan sudah lama berlaku

Akhbar ini turut melaporkan kegiatan menyeludup minyak masak subsidi Malaysia ke Thailand sudah lama berlaku, dipercayai sejak kerajaan memperkenalkan subsidi untuk barang keperluan itu sejak 15 tahun lalu.

Bekalan minyak itu kebanyakannya disimpan di tebing Sungai Golok di sebelah Malaysia terlebih dahulu sebelum dibawa masuk ke Thailand menggunakan perahu.

Ditanya adakah operasi penguatkuasaan selepas ini akan tertumpu di Kelantan, Nanta Linggi berkata, meskipun banyak dilaporkan kegiatan menyeludup berlaku di negeri terbabit, operasi dijalankan pihak berkuasa juga menumpukan negeri lain berhampiran sempadan, termasuk di Perlis, Kedah dan Sabah.

"Memang ini usaha kita yang sudah lama bermula.



Nanta Linggi bersama timbalannya, Datuk Rosol Wahid (dua dari kiri) memberikan kerusi roda kepada Norasina Mohd Ariff pada Perhimpunan Bulanan KPDNHEP di Menara SSM, Kuala Lumpur, semalam. (Foto Genes Gullitah/BH)

"Kita akan terus dan pertingkatkan. Kita juga ada kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan sebagainya.

"Penguatkuasaan bukan di Kelantan saja tetapi juga negeri yang bersempadanan yang lain, seperti Sabah, kawasan perairan, di Perlis dan Kedah," katanya.

Sementara itu, menyentuh per-

kembangan operasi pengauditan dan pemutihan secara komprehensif meliputi 22 pengeluar dan 305 premis pembungkusan semula minyak masak peket seluruh negara, Nanta Linggi berkata, ia sedang berjalan dan dapatan audit berkenaan memerlukan masa.

Katanya, operasi itu perlu teliti supaya sebarang penemuan yang

dikesan lebih tepat sebelum menyuksul langkah seterusnya.

Dalam audit itu, katanya, sebagai contoh, jika sesebuah syarikat mendapat kuota pembungkusan 400 tan minyak bersubsidi, tetapi mesinnya tidak boleh memproses kuota sebanyak itu, maka KPDNHEP akan siasat ke mana baki kuota itu disalurkan.

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan meningkatkan penguatkuasaan di kawasan sempadan bagi mengelakkan ketirisan minyak peket bersubsidi.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, usaha penguatkuasaan di kawasan itu sudah lama bermula namun kini ia ditingkatkan.

"Banyak laporan mengatakan negeri di sempadan seperti Sabah, perairan Perlis dan Kelantan menjadi tumpuan lokasi pemantauan KPDNHEP.

"Kita jalin kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) jadi usaha penguatkuasaan akan dipertingkatkan," katanya pada sidang media selepas Perhimpunan Bulanan

Tingkat operasi kawasan sempadan

KPDNHEP di Menara SSM di sini, semalam.

Mengulas berhubung operasi pengauditan dan pemutihan pengeluaran dan premis bungkus minyak masak peket, Alexander berkata, operasi dijalankan dengan teliti.

"Apabila selesai proses pemutihan, hasilnya akan dibentangkan namun ia akan memakan masa kerana apa dilakukan mestilah adil dan tepat," katanya.

Sementara itu, Alexan-

der berkata, KPDNHEP akan meneruskan strategi lima serampang dalam menangani inflasi dan kos sara hidup.

"Antaranya kawalan harga barang keperluan asas menerusi subsidi bersasar, sesi libat urus bersama pemain industri bagi menstabilkan harga dan peningkatan penguatkuasaan melalui kerjasama dengan semua agensi penguatkuasaan.

"Strategi lain memperluas Program Jualan Keluarga Malaysia (JKPM) meliputi 613 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) serta melakukan advokasi perubahan kecil terhadap gaya hidup pengguna," katanya.

“
Apabila selesai proses pemutihan, hasilnya akan dibentangkan
Alexander



BOTTLED COOKING OIL

'PRICES EXPECTED TO DROP SOON'

Five-pronged strategy to control prices of necessities yielding results, says minister

KUALA LUMPUR

THE price of bottled cooking oil is expected to drop soon in line with the reduction in the raw cooking oil price from RM7,000 per metric tonne to RM3,600 per metric tonne this week.

Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said, in the meantime, the ministry's strategy to tackle inflation and cost of living by working closely with the special task force to tackle inflation had yielded results,



An employee arranging bottled cooking oil on a rack at a supermarket in Johor Baru recently. PIC BY NUR AISYAH MAZALAN

especially on the chicken and egg issues.

"The five-pronged strategy is to control the prices of necessities through targeted subsidies, engagement with industry players

to stabilise prices and enhance enforcement by collaborating with all enforcement agencies to reduce leakages, especially involving subsidised goods.

"We are also expanding the

Keluarga Malaysia Sales Programme to 613 state constituencies to reduce the people's burden by offering essential goods at 20 per cent cheaper than the local market prices," he said after the ministry's monthly gathering yesterday.

He said the ministry was also advocating small lifestyle changes among consumers to influence the demand and prices of goods in the market, adding that it would continue to enforce the five-pronged strategy to tackle inflation and the rising cost of living.

Nanta said the ministry believed that the engagement sessions with the industry players, including the special task force to tackle inflation, would have an impact on reducing the prices of cooking oil and other essential goods.

Meanwhile, he said Malaysia's Wholesale and Retail Trade had set a new record in May this year

with a growth of 19.9 per cent year-on-year amounting to RM129.8 billion as announced by the Department of Statistics Malaysia.

"Hence, the ministry has re-evaluated its high-impact initiatives and programmes so that the country's economic recovery through domestic trade and consumer empowerment continues as planned."

Earlier in his speech, Nanta said the compound reduction under the Companies Act 1965 (Act 125), which was implemented from March 1 to June 30 this year, would be extended for another four months, from July 1 until Oct 31.

He said this incentive allowed companies and company directors to enjoy a 90 per cent compound reduction from the original amount, adding that 1,578 people had benefited since the initiative was introduced. **Berna-**

Drop in bottled cooking oil prices expected soon: Minister

KUALA LUMPUR: The price of bottled cooking oil is expected to drop soon in line with the reduction in price of raw cooking oil from RM7,000 per tonne to RM3,600 per tonne this week.

Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said

the ministry's strategy to tackle inflation and cost of living by working closely with the special task force formed to tackle inflation had also shown results, especially in the case of chicken and eggs.

He said the strategies being implemented are controlling the

price of necessities through targeted subsidies, on-going engagement with industry players to stabilise prices and enhancing enforcement by collaborating with all enforcement agencies to reduce leakages, especially involving subsidised goods.

"Besides that, we are expanding the Keluarga Malaysia Sales Programme to 613 state constituencies to reduce the people's burden by offering essential goods at 20% less than local market prices," he said after the ministry's monthly gathering yesterday. - Bernama



AHMAD KHUZAIRI menunjukkan lori tangki yang digunakan sindiket untuk memindahkan minyak diesel bersubsidi dalam serbuan di sebuah premis tidak bernombor di kawasan perindustrian Mahsan, Bahau.

Melarikan diri ketika serbuan oleh KPDNHEP

Cedera ketika dicekup seleweng petrol

-JEMPOL - Satu lagi sindiket penyelewengan minyak diesel bersubsidi ditumpaskan dalam serbuan di sebuah premis tidak bernombor di kawasan perindustrian Mahsan, Bahau di sini dengan keseluruhan rampasan bernilai RM106,400.

Ketua Pegawai Penguatkuasa Daerah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kuala Pilah, Ahmad Khuzairi Selamat berkata, serbuan pada pukul 6 petang, Isnin lalu dengan bantuan Pasukan Gerakan Am (PGA), Briged Tengah Cheras.

"Serbuan ini turut membawa kepada penahanan dua orang lelaki warganegara tempatan berusia lingkungan 20 hingga 30 tahun.

"Salah seorang daripada suspek telah mengalami kecederaan

ketika cuba melarikan diri semasa serbuan dan sedang dirawat di Hospital Jempol," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Ahmad Khuzairi berkata, pihak KPDNHEP Kuala Pilah telah sita kira-kira 20,000 liter minyak diesel, sebuah lori, sebuah kereta, sebuah skid tank (tangki diesel) dan 10 unit tangki petak.

"Lain-lain peralatan yang digunakan untuk kerja-kerja pemindahan diesel seperti pam penyedut minyak diesel dan motor elektrik turut disita. Nilai rampasan keseluruhan berjumlah RM106,400," katanya.

Menurut Ahmad Khuzairi, hasil pemeriksaan lanjut mendapati premis dan suspek yang ditemui di lokasi serbuan tidak mempunyai lesen sah atau apa-apa dokumen kebenaran daripada Pengawal Bekalan untuk

berurusan dengan Barang Kawalan Berjadual.

"Kes akan disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Bekalan 1961 kerana menyimpan barang kawalan dengan niat melakukan kesalahan serta Seksyen 20 (1) akta yang sama kerana menyimpan barang kawalan ditempat yang tidak dilesenkan," katanya.

Beliau berkata, pihak Pejabat KPDNHEP cawangan Kuala Pilah akan terus menjalankan pemantauan dan tindakan terhadap penyelewengan minyak diesel di daerah ini.

"Pejabat KPDNHEP Cawangan Kuala Pilah ingin menegaskan dan menasihatkan para peniaga supaya mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan oleh KPDNHEP dalam perniagaan terutama barang bersubsidi," ujarnya.

Naiknya cepat, turunnya lambat!



OLEH WAI TEE
 Penulis Bebas



Harga barang memang isu sepanjang zaman dan takkan ada penghujungnya! Apatah lagi jika pendapatan dan gaji tidak meningkat dan setimpal.

Apa yang berlaku di seluruh dunia, turut terjadi di negara kita sekarang. Apabila semua aktiviti sektor sosial dan perniagaan dibuka serentak selepas pandemik, sedangkan penyediaan bekalan dan bahan mentah tidak seiring permintaan.

Akibatnya, harga meningkat sejajar dengan teori ekonomi penawaran dan permintaan. Bagaimanapun, Indeks Harga Pengguna (CPI) atau inflasi negara masih rendah sekitar 2.8 peratus jika dibandingkan di lain-lain negara.

Ketua Pengarah Perangkawan (DOSM), Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin menyatakan, ini kerana dasar kerajaan memperuntukkan subsidi dalam mengawal harga barang terutama keperluan asas seperti ayam, telur, minyak masak, petrol, diesel dan gas petroleum cecair (LPG). Tanpa subsidi, kadar CPI akan melebihi 10 peratus seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Singapura dan Thailand.

Bukan sahaja harga barang akan naik, produk makanan bermasak dan tidak bermasak juga akan turut melonjak.

Kerajaan membelanjakan subsidi RM1.1 bilion untuk memastikan ayam dan telur pada harga mampu milik dan berbilion ringgit untuk mengekalkan harga petrol RON95 dan diesel pada harga RM2.05 dan RM2.15 seliter.

Bila harga ayam hendak diapungkan mengikut harga pasaran, riu rendahlah pengguna kerana harga ayam di negara pengeluar seperti Thailand, Vietnam dan Indonesia semuanya antara RM13 - RM15 sekilogram.

Bila kerajaan umumkan ayam pada harga siling baharu RM9.40 sekilogram, isu ayam terus mati malah ada yang jual di bawah harga siling. Tidak dinafikan ia didorong oleh penyaluran subsidi cepat dan efisien kepada penternak di samping harga dedak yang mula turun.

Apabila kerajaan merasakan tidak perlu lagi memberi subsidi minyak masak kemasan botol setelah pembiayaan

“

Anehnya, sebelum ini tidak pernah pengguna bising atas kekurangan bekalan minyak masak palibeg bersubsidi walaupun pengeluaran sama pada 60 juta paket sebulan dan penduduk Malaysia tetap sekitar 33 juta.”

sehingga RM2.1 bilion untuk subsidi minyak masak palibeg bagi tahun 2021 melalui Skim Menstabilkan Minyak Masak (COSS), gendang netizen berbunyi lagi!

Punca ketirisan

Anehnya, sebelum ini tidak pernah pengguna bising tentang minyak masak palibeg di pasaran. Peruntukan masih sama iaitu RM60 juta paket minyak masak sebulan atau 720 juta setahun. Bilangan rakyat juga tidak jauh berbeza masih sekitar 33 juta. Kenapa tiba-tiba riu rendah?

Rupa-rupanya harga minyak masak kemasan botol mendadak naik. Ramai terkesan bila harga Crude Palm Oil (CPO) atau Minyak Masak Mentah (MSM) melonjak hampir dua ratus peratus daripada RM2,500 ke RM7,000 per tan metrik di pasaran dunia. Kesan positif hanya kepada peladang dan pengilang MSM sekitar 700,000 orang, tetapi tidak kepada pengguna yang berjumlah 33 juta.

Tanpa subsidi, harga minyak masak botol mencecah RM42 untuk botol 5

kilogram (kg). Patutlah pengguna beralih ke minyak masak bersubsidi polibeg. Paket 1kg berharga RM2.50 dan 5kg hanya RM12.50, jimat sehingga 300 peratus berbanding dengan botol!

MSM pada Mei dan Julai 2022 sahaja berharga RM7 sekilo atau RM35 bagi botol 5kg. Ini belum lagi kos memproses, menjernih, mengenyah bau, mengenyah kolesterol dan menambah nutrisi seperti vitamin E. Jika ditambah kos pembotolan, pemasaran, pengangkutan dan margin keuntungan, tidak mustahil minyak masak tulen tanpa subsidi dijual melebihi RM40 untuk 5kg.

Faktor harga disokong dengan kejayaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam advokasinya bahawa minyak paket bukan minyak kitar semula dan kualitinya sama dengan minyak masak tulen kemasan botol. Jadi tidak hairanlah ramai yang beralih ke minyak masak paket bersubsidi.

Satu lagi faktor adalah harga minyak masak yang mahal di negara jiran. Di Indonesia, negara pengeluar terbesar minyak masak dunia lebih mahal jika dibandingkan di Malaysia. Justeru, banyak minyak masak paket bersubsidi negara di seludup ke Thailand dan Indonesia, dijual secara berleluasa pada harga RM7 sepaket. Laporan *Sinar Harian* dan TV3 menonjolkan sikap si penyeludup yang mengkhianati negara hasil daripada kesusahan rakyat.

Satu lagi cara mengaut keuntungan segera ialah penyelewengan di mana minyak masak bersubsidi dimasukkan ke dalam kemasan botol, dilabelkan dan dijual di pasaran pada harga tanpa subsidi.

Penyelewengan ini sebenarnya berlaku kepada LPG di mana LPG bersubsidi 14kg dipindahkan ke tong komersial 50kg. Begitu juga dengan diesel bersubsidi pada harga RM2.15 seliter

yang diseleweng dan dijual pada harga komersial.

Harga minyak masak terpakai melebihi RM4 seliter mendorong pengkhianat membeli minyak masak bersubsidi pada harga RM2.50. Biasanya, minyak masak paket digunakan sekali lalu dijual sebagai minyak masak terpakai untuk industri bio-diesel. Ada juga yang menjual minyak masak bersubsidi tanpa menggunakannya terlebih dahulu.

Pengkhianatan ini menyebabkan kekurangan bekalan minyak masak di pasaran, kesusahan di peringkat pengguna dan kerajaan terpaksa menanggung subsidi yang tinggi untuk menampung kekurangan tersebut. Ini belum lagi kerosakan dari segi imej, kebencian dan cemahan terpaksa ditanggung kerajaan dan kementerian yang mengendalikannya.

Bila nak turun?

Kini harga MSM sudah jatuh ke paras RM3,600 per tan metrik dan pengguna berharap agar ia diturunkan. Mungkin ia mengambil masa untuk pelarasan stok MSM lama, tetapi seandainya tidak terlalu lama untuk harga pasaran minyak masak kemasan botol diturunkan.

Kita berharap episod kekurangan minyak masak bersubsidi akan berakhir cepat seperti kisah ayam dan seharusnya minyak masak paket diutamakan untuk isi rumah golongan B40.

Kerajaan juga harus mengizinkan penjaja kecil B40 yang berniaga tepi jalan menggunakan minyak paket bersubsidi dengan syarat harga jualan mereka tidak dinaikkan, kekal pada kadar 'subsidi' kerana mereka menggunakan ayam, telur, LPG, beras dan mungkin tepung juga bersubsidi. Tetapi tidak kepada restoran makan dan kedai mamak! Betul tak Tan Sri?

 Senarai Harga Barang Koperluan	• Ayam	RM8.29	• Telur Gred A	RM12.90	• Gula Pasir	RM2.84	• Cili Merah	RM12.99
	• Daging Lembu Tempatan	RM38	• Ikan Kembung	RM9.90	• Bawang Besar Holland	RM2.99	• Kubis Bulat Tempatan	RM4
	• Daging Lembu Import	RM35	• Minyak Masak	RM6.70	• Bawang Putih	RM5.89	• Tepung Gandum	RM2.80
								<small>*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP</small>